

30/09/2003

Malaysia tidak hadapi masalah pengangguran

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Malaysia tidak menghadapi masalah pengangguran kerana banyak peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang kini terbuka luas untuk rakyatnya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya berpendapat kadar pengangguran negara adalah kosong peratus," kata Perdana Menteri ketika merasmikan Berjaya Times Square, iaitu pembangunan bersepadu terbesar di rantau Asia Pasifik yang menempatkan kompleks beli-belah, taman tema tertutup serta pejabat dan kediaman di Jalan Imbi di sini, semalam.

Beliau berkata, kemunculan beberapa projek gergasi, seperti Berjaya Times Square yang dianggapnya kedua terbesar selepas Menara Berkembar Petronas, membuka lebih banyak peluang pekerjaan untuk rakyat.

Dr Mahathir berkata, projek Berjaya Times Square turut memberi banyak sumbangan kepada ekonomi negara.

Katanya, projek itu bukan saja menyediakan pelbagai peluang pekerjaan kepada rakyat, malah diharap dapat menarik lebih ramai pelancong asing kerana industri itu menjadi penyumbang kedua terbesar dari segi perolehan tukaran asing.

Dr Mahathir berkata, kerajaan gembira kerana selepas sembilan tahun, projek raksasa itu yang terletak di lokasi segi tiga emas serta tumpuan pelancong, siap dibina.

Katanya, projek itu mampu menarik pelawat dan pembeli sama ada dari dalam atau luar negara.

"Saya berharap lebih ramai lagi pelancong datang ke Malaysia. Projek ini agak luar biasa kerana buat kali pertama di Malaysia ia mempunyai taman tema tertutup meliputi kawasan seluas 380,000 kaki padu.

"Projek ini juga bermakna, satu lagi pusat beli-belah di Kuala Lumpur selain mempunyai restoran dan pusat hiburan. Semua ini akan menjadi tarikan kepada pelancong dan ini juga bermakna memberi sumbangan ekonomi kepada negara," katanya.

Dr Mahathir berkata, kewujudan teater Imax 3-D (tiga dimensi) di kompleks itu juga yang pertama di negara ini dan sekali gus ini juga menjadi daya tarikan.

Teater tiga dimensi Imax itu mempunyai skrin terbesar di dunia dan membolehkan pengunjung mengalami pelbagai pengalaman menarik ketika menonton tayangan filem menerusi kaedah tiga dimensi.

Berjaya Times Square berharga RM1.8 bilion, adalah projek terbesar di dunia yang dilaksanakan dalam satu fasa dan mempunyai lebih 1,000 kedai termasuk penyewa utama, Debenhams dari Britain.

Selain tempat membeli-belah, Berjaya Times Square merangkumi pangsapuri khidmat dan hotel.

Taman Tema Cosmo di tingkat tujuh, tetapi masih boleh dimasuki menerusi tingkat lima mempunyai 14 permainan untuk semua golongan usia termasuk Supersonic Odyssey iaitu roller coaster dalam bangunan yang kedua terpanjang di dunia.